


THE BOARD  
OF THE  
SIRIM AND UMS  
28 SEPTEMBER

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



METERAI..Prof Dato' Dr. Abu Hassan Othman (kiri) dan Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Ali mementerai perjanjian kontrak penyelidikan antara UMS dan Sirim.



## Sirim akan terus main peranan sebagai agensi k'jaan

KOTA KINABALU, Khamis – Institut Standard Dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) yang dijangka dikorporatkan pada awal tahun depan akan terus memainkan peranan dan tanggungjawab sebagai agensi pembangunan kerajaan.

Ketua Pengarahnya, Dato' Dr. Ahmad Tajuddin Ali berkata, perubahan akan berlaku hanya pada cara agensi itu melaksanakan tugasnya.

"Apabila Sirim menjadi syarikat milik kerajaan, hubungannya dengan agensi lain akan tetap diteruskan malahan darisegi tugas akan lebih mudah dilaksanakan menerusi cara ini", katanya di majlis menandatangani perjanjian kontrak penyelidikan antara Sirim dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS), hari ini.

Dr. Ahmad menandatangani perjanjian kontrak itu bagi pihak Sirim sementara UMS diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Dato' Dr. Abu Hassan Othman.

Kontrak penyelidikan itu melibatkan kajian terhadap tenaga solar untuk pengeringan koko yang dijalankan di Tawau.

Menyentuh kontrak penyelidikan, beliau berkata Sirim banyak menerima kontrak tersebut dari pelbagai pihak dan kerja tersebut akan disub kepada badan tertentu untuk dilaksanakan.

Katanya, perjanjian yang dimenterai dengan UMS itu juga merupakan sebahagian daripada kontrak penyelidikan yang diterima oleh Sirim dan dilaksanakan oleh universiti itu.

Dr. Ahmad berharap dengan kontrak penyelidikan itu, Sirim dapat membantu UMS untuk

membangun dan maju ke hadapan dengan pengiktirafan makmal untuk penyelidikan di universiti itu.

"Kita juga berharap UMS mendapat lebih banyak kontrak penyelidikan di masa akan datang", katanya.